

NO.SOALAN: 14○

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]

TARIKH : 25 Mei 2016

SOALAN : 14○

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah aset-aset dan bilangan anggota keselamatan yang ditugaskan untuk mengawal kawasan perairan Sabah dan apakah kelemahan-kelemahan yang menyebabkan kes penculikan di Semporna pada awal April 2016.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua

Antara aset-aset pasukan keselamatan yang ada di ESS Zone ialah:

1. bot pemintas / bot laju;
2. Pangkalan Laut (PL) Tun Sharifah Roziah, sebuah bekas pelantar minyak luncut tauliah telah diubahsuai sebagai sebuah pangkalan laut (*seabasing*) dan telah beroperasi sepenuhnya di perairan Beting Bodgaya, Telukan Lahad Datu mulai 31 Julai 2015;
3. lima (5) buah radar di pulau-pulau di sekitar Telukan Lahad Datu dan Semporna;
4. sebuah kapal dagang yang diubahsuai telah dijadikan sebagai *mobile seabasing* yang dinamakan sebagai *Kapal Auxiliary* (KA) Tun Azizan;
5. dua (2) buah kapal berukuran 27 meter turut diubahsuai sebagai *mothership* dengan peranan yang hampir sama dengan PL Tun Syarifah Rodziah dan KA Tun Azizan tetapi dengan kapasiti yang lebih kecil;
6. sistem kamera jarak jauh *Big Eye* di pulau-pulau strategik;
7. pengawasan pesawat udara maritim; dan
8. *unmanned aerial vehicle* (UAV).

Bilangan anggota keselamatan yang ditugaskan di ESS Zone adalah mencukupi mengikut keperluan pada masa ini. Bagaimanapun, pertambahan kekuatan anggota keselamatan akan dikaji dari semasa ke semasa bagi memastikan kawalan keselamatan di ESS Zone tidak terjejas.

Kejadian kes penculikan yang berlaku pada awal April 2016 bukan disebabkan kelemahan tetapi inisiatif yang telah diambil oleh ESSCOM dalam mengukuhkan keselamatan resort-resort, sangkar ikan, nelayan dan di laluan-laluan berisiko telah memaksa *kidnap for ransom group* (KFRG) menukar *modus operandi* dengan

menyerang bot-bot tunda yang belayar di kawasan sempadan perairan antarabangsa kerana sukar menembusi kawalan keselamatan di ESS Zone.

Sekian, terima kasih.